

19/08/2005

Mahathir-Perpaduan

FORMULA PERPADUAN KAUM DI MALAYSIA JADI RUJUKAN NEGARA LAIN

PULAU PINANG, 19 Ogos (Bernama) -- Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini menyatakan keyakinannya bahawa formula perpaduan kaum di Malaysia akan menjadi rujukan bagi negara-negara maju dalam tempoh 50 tahun akan datang dalam menangani permasalahan yang sering timbul dalam konteks kepelbagaian kaum.

Beliau berkata, pada waktu itu sempadan negara tidak lagi menjadi halangan kepada perpindahan pelbagai kaum dari negara-negara di dunia terutama dari negara membangun kepada negara maju.

Katanya, faktor ekonomi akan mendorong penduduk dari negara yang lebih miskin untuk berhijrah ke negara maju bagi mencari kekayaan dan apabila kemasukan pendatang asing yang banyak ke sesebuah negara tidak dapat disekat, maka mereka akan menghadapi permasalahan yang lazim timbul dalam konteks kepelbagaian kaum itu.

"Dalam tempoh berkenaan, semua negara di dunia akan mempunyai pelbagai kaum dan pada masa itu baru mereka tahu bagaimana susahnya mentadbir negara yang mempunyai penduduk berbilang kaum, yang mana kaum-kaum itu tidak mahu diasimilasikan dan juga tidak mahu hidup secara berasingan," katanya pada sidang media selepas menyampaikan ucap utama pada majlis perhimpunan perdana perpaduan, di sini.

Perhimpunan itu dianjurkan oleh Majlis Perundingan Muhibbah Pulau Pinang dan kerajaan negeri di Dewan Sri Pinang, di sini.

Dr Mahathir berkata, daripada pengamatannya, formula perpaduan di Malaysia merupakan yang terbaik setakat ini dan paling berkesan dalam menangani masalah berbilang kaum berikutan adanya toleransi dan kematangan pada penduduknya.

"Walaupun kita mempunyai kaum, agama, budaya dan adat resam yang berbeza, kesanggupan rakyat untuk tidak membangkitkan sensitiviti mana-mana kaum menjadi kunci utama mereka boleh duduk dan makan semeja serta hidup dalam rukun dan damai," katanya.

Sebaliknya beliau berkata ada negara yang mempunyai agama yang sama tetapi mazhab yang berbeza berperang dan sanggup berbunuhan sesama sendiri kerana tiadanya persefahaman ini.

Beliau meminta rakyat Malaysia untuk berusaha mengekalkan keadaan itu dan jika mereka tidak pandai menjaga perpaduan dan kemakmuran yang ada, negara juga akan menghadapi kemelut yang bakal dirasai oleh negara-negara lain kelak.

Dr Mahathir berkata, beliau sering diajukan soalan oleh pemimpin luar tentang bagaimana Malaysia berjaya mengekalkan perpaduan kaum itu.

"Saya menegaskan kepada mereka bahawa faktor kejayaan Malaysia mengekalkan perpaduan kaum ialah kerana rakyat negara ini merupakan bangsa yang rasional, matang berpolitik, dewasa dan tidak keterlaluan dalam melakukan sebarang tindakan," katanya.

Katanya, kerajaan Malaysia berjaya mencipta pendekatan sendiri dalam membangunkan ekonomi, negara dan bangsanya dan tidak mudah mengikut secara melulu telunjuk orang lain, contohnya dalam menangani serangan penyanggak mata wang pada tahun 1997.

Selain itu, katanya, satu lagi formula yang amat penting dalam memastikan kemajuan negara ialah kestabilan politik yang selama ini memberi keyakinan kepada pelabur asing untuk terus melabur di Malaysia dan sekali gus mewujudkan peluang pekerjaan yang banyak untuk rakyatnya.

Katanya, kejayaan Malaysia menguruskan 14 parti komponen yang terdapat

dalam parti pemerintah amat dikagumi negara luar kerana di kebanyakan negara, parti campuran yang terdiri daripada dua buah parti sahaja sukar untuk kekal lama.

Menurutnya, parti yang kecil sentiasa mengugut untuk menarik diri daripada gabungan itu dan menyebabkan parti yang besar terpaksa mengikut kehendak yang minoriti.

"Tetapi, di Malaysia perkara ini tidak berlaku kerana jika mana-mana parti meninggalkan gabungan Barisan Nasional, ia tidak akan memberi kesan kepada kerajaan dan untuk itu parti-parti yang kecil akan menjaga kelakuan mereka," katanya.

-- BERNAMA

ZU PR